

**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' SERI
ABDUL RAZAK BIN JAAFAR
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**SEMPENA:
MAJLIS PERASMIAN
KARNIVAL SUKAN MAHASISWA 2023
(KARISMA XXVIII 2023)
DAN
PELANCARAN
SPORTS CHAMPIONSHIP MANAGEMENT SYSTEM (SCMS)**

**DEWAN BESAR
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH**

21 SEPTEMBER 2023 | KHAMIS | 9.00 MALAM

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh;

Salam sejahtera;

dan Salam Malaysia MADANI.

- **Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- **Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
UiTM
- **Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali**
Rektor, UiTM Cawangan Pulau Pinang
- **Yang Berusaha Encik Ahmad Tarmizy Mohammed**
Pengarah Pusat Sukan UiTM

- Yang Berusaha Rektor-Rektor UiTM,
- Timbalan-Timbalan Rektor UiTM Cawangan Negeri
- Pengurusan Kanan Universiti, Ketua-Ketua Jabatan
- Para Atlet serta Warga UiTM Yang dihormati sekalian.

[Salutasi -kemas kini berdasarkan kehadiran]

1. Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat dan kurnia-Nya, kita semua dapat bersama-sama pada malam ini bagi dalam **MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL SUKAN MAHASISWA (KARISMA) UiTM KALI KE-28 TAHUN 2023.**

2. Ucapan ribuan terima kasih kepada pihak UiTM dan Jawatankuasa pengelola yang menjemput saya bagi merasmikan karnival sukan yang penuh gilang gemilang ini.

3. Saya sangat berbesar hati dan gembira berpeluang bertemu dengan para atlet dan penggiat sukan dari seluruh kampus cawangan UiTM yang akan berhimpun selama 8 hari di

UiTM Cawangan Pulau Pinang ini bagi merebut kejuaraan dalam acara masing-masing.

Para Hadirin Sekalian,

4. Sebentar tadi, saya sempat memerhati riak wajah para mahasiswa semua. Saya dapat merasakan keterujaan dan semangat berkobar daripada semua atlet walaupun nampak juga sedikit keletihan mungkin kerana baharu sampai dari jauh atau sudah berminggu-minggu berlatih demi kejohanan KARISMA UiTM ini.

5. Jauh di sudut hati, saya sangat bersyukur melihat segala potensi yang ada di depan saya pada malam ini. ini membuktikan bahawa, para mahasiswa ini memenuhi masa

lapangnya dengan aktiviti sihat dan berfaedah. Inilah model mahasiswa yang ingin dilahirkan oleh Negara kita. Berketrampilan dari sudut akademik dan sahsiah, juga aktif di lapangan sukan.

Hadirin sekalian,

6. Sektor pendidikan tinggi negara ini yang diterajui Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa menyokong potensi mahasiswa biar apa pun bidang yang mereka minati. Selain menumpukan kepada kecemerlangan akademik, sumbangan kepada masyarakat, hubungan yang erat dengan industri, sektor pendidikan tinggi negara turut memberi penekanan yang sangat besar kepada usaha menggilap potensi dan bakat dalam arena sukan. Baik pada peringkat universiti, peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

7. Saya juga yakin, KARiSMA UiTM 2023 ini telah menjadi medan untuk mencungkil bakat-bakat baharu mewakili UiTM ke peringkat yang lebih tinggi. Pencapaian UiTM dalam mengekalkan kejayaan sebagai Johan Keseluruhan Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2023 baru-baru ini, memberi isyarat jelas yang program pembangunan sukan di UiTM berada pada tahap yang amat baik dan wajar dicontohi oleh Institusi pengajian tinggi yang lain. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada UiTM.

Hadirin yang dihormati,

8. Dengan segala pencapaian yang dirangkul oleh mahasiswa dalam bidang sukan, ia telah membuktikan kita berada di

landasan yang betul dalam memacu ekosistem kecemerlangan sukan negara.

9. Walau bagaimanapun, banyak lagi ruang dan peluang boleh dimainkan oleh universiti ke arah kecemerlangan dan pembangunan sukan negara.

10. Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, dalam ucapan perasmian Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang lalu, telah melontarkan pelbagai idea tentang beberapa aspek dan dimensi pembangunan sukan yang boleh disertai serta dibangunkan oleh sektor pendidikan tinggi negara.

11. Antaranya adalah untuk menggunakan secara optimum dan strategik segala ilmu, penyelidikan, kepintaran saintis dan

pakar sedia ada serta teknologi terkini yang dimiliki oleh sektor pendidikan tinggi.

12. Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi ada mencadangkan tentang penciptaan pakaian atau peralatan sukan yang berteknologi tinggi, penghasilan menu atau rejim pemakanan dengan nutrisi terbaik, strategi permainan, analisis prestasi menggunakan *big data* dan analitik.

13. Kesemua ini adalah antara contoh dan perkara yang perlu turut menjadi fokus sektor pendidikan tinggi dalam menyumbang dan membangunkan sukan negara.

14. Alhamdulillah, seruan Yang Berhormat Menteri telah di sahut oleh UiTM. Saya mengambil maklum dan mengucapkan

syabas atas kejayaan UiTM membangunkan SPORTS CHAMPIONSHIP MANAGEMENT SYSTEM ATAU SCMS. Saya turut difahamkan yang sistem ini bakal menjadi platform dan tulang belakang pengurusan dan penyampaian maklumat dalam penganjuran karnival sukan dan telah pun diujilari dan digunakan dalam beberapa penganjuran sukan termasuk Karnival Sukan MASUM tempoh hari. Sistem ini juga bakal digunakan sepenuhnya untuk KARiSMA pada kali ini.

**Tuan-tuan, Puan-puan dan para Atlet yang saya kasihi
sekalian,**

15. Saya doakan agar semua atlet yang bertanding dapat mempamerkan prestasi cemerlang dan mengatasi rekod dan

pencapaian sebelum ini. Tunjukkanlah daya juang dan semangat kesukanan yang akan membanggakan kita semua.

16. Pastikan penyertaan dalam temasya ini memberi nilai tambah, pengamalan serta ilmu yang berguna kepada anda semua.

17. Akhir kata, sekali lagi, sekalung penghargaan saya zahirkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan lakaran kejayaan terukir di pentas KARISMA UiTM 2023 ini.

18. Buat para atlet sekalian, Teruskan berjuang dengan semangat '**Minda Juara**'. Saya ucapkan **syabas, Beribu-ribu**

tahniah dan selamat maju jaya buat semua! Semoga dengan izin Allah pencapaian gemilang yang diidamkan menjadi kenyataan.

19. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim** saya dengan penuh syukur merasmikan **KARNIVAL SUKAN MAHASISWA (KARISMA) UiTM KALI KE-28, 2023** dan melancarkan **SPORTS CHAMPIONSHIP MANAGEMENT SYSTEM.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.